



RCCA Ooi Tze Inn pernah terkandas dalam hidup, bukan sekali tetapi dua kali dan hampir menyerah.

Pertama sekali, beliau melahirkan anak pertama pada usia 18 tahun dan terpaksa menghentikan segalanya untuk menjaga bayinya. Seorang remaja yang bercita-cita tinggi, berimpian untuk memiliki sebuah perniagaan, harta benda dan kaya-raya, semakin jauh daripada capaiannya.

Impiannya menjadi kenyataan kembali apabila beliau mula bekerja sebagai seorang kerani di sebuah syarikat insurans, sementara ibunya menjaga bayinya. Beliau melihat pendapatan yang dijana oleh ejen-ejen dan itu mendorongnya untuk menjadi seorang ejen juga. Bertekad untuk berjaya, beliau bekerja dengan keras selama 6 tahun, bahkan berjaya mencapai Million Dollar Round Table pada tahun 2011.

Tetapi tekanan untuk mendapatkan kontak dan rasa bersalah mengabaikan anak-anaknya menyebabkan beliau mengalami kemurungan. "Saya keluar dari pagi hingga malam. Tidak ada masa bersama keluarga pada hujung minggu dan cuti akhir tahun. Pendapatan saya amat lumayan tetapi perbelanjaan saya juga tinggi kerana saya perlu membeli barang dan kereta

Penceramah Star Awards Night



“

Sekali gagal, patah semangat sementara tetapi berjaya jua percubaan ketiga

RCCA Ooi Tze Inn

Bekas ejen insurans, Million Dollar Round Table (MDRT)



Recognition Night

mewah untuk menunjukkan bahawa saya berjaya. Saya bergelut dengan pinjaman dan bil kad kredit sebenarnya."

Tze Inn juga mengalami gangguan makan dan tidak berani untuk bertemu dengan sesiapa pun. Akhirnya, beliau terpaksa berhenti dari kerjaya insuransnya. Untuk kali kedua, impiannya hancur berkecaci.

Hidup harus diteruskan dan beliau menjalankan perniagaan dalam talian selama lebih dari setahun. Pada suatu hari, beliau ternampak suatu posting tentang seluar Aulora di Facebook. Beliau terus

membeli sepasang daripada rakannya. Ajaib sekali, seluar itu membantu meredakan masalah insomnianya setelah satu malam memakainya. Dari situ, bermulalah perjalanannya di BE.

MEMPERBETUL PERSEPSI SALAH MLM

Perniagaan MLM adalah perkara terakhir dalam fikiran Tze Inn kerana beliau telah melihat banyak orang gagal dalam perniagaan atau menukar syarikat MLM. Beliau masih ingat kali pertama beliau menghadiri perjumpaan di HQ dan mengingati kata-kata pengasas, Ir Lee Suet Sen: "BE International akan menjadi MLM yang paling dihormati di pasaran kerana kami ingin semua orang tahu bahawa MLM adalah efektif apabila dilakukan."



Dengan upline



BE Lifestyle Travel ke Jepun



BE Lifestyle Travel ke Melbourne

Tze Inn bersyukur kerana pengasas dan syarikat kerana telah mengotakkan kata-kata mereka. Beliau berhutang kejayaannya kepada mentornya, RCCA Rex Ng & Woon Chin Yin, atas kesabaran dan kasih sayang serta bimbingan mereka tanpa syarat. "Mereka telah mempengaruhi saya dengan menunjukkan cara yang betul dalam melakukan MLM dan melakukan apa yang dikatakan. Mereka memimpin dengan teladan dan bukannya sekadar memberikan arahan," kata ibu kepada tiga anak berusia 16, 14 dan 7 tahun.

Melihat kerendahan hati, kejujuran dan kerja keras mentor dan pengasas telah memberi inspirasi kepadanya untuk bergemerlapan dalam industri ini. "Saya amat bersyukur kerana bertemu dengan syarikat, pengasas dan mentor terbaik. Mereka bukan sahaja mengubah perspektif saya terhadap MLM tetapi juga mengubah hidup saya."



“

Nasihat Tze Inn adalah untuk meniru pemimpin yang berjaya. "Kosongkan cawan kami dan pelajari daripada mereka kerana mereka telah menempuh jalan yang masih belum kita lalui. Itulah jalan pintas."